

Sumber bekalan hidrokarbon perlu diteroka

15/06/04 ms a 41

► DARI MUKA 1

hingga 15 Jun ini, dianjurkan Petronas, Institut Kepimpinan dan Strategi Asia (ASLI) dan Conference Connection Inc.

Lebih 1,000 peserta dari 40 negara termasuk Australia, Austria, Bangladesh, Brunei, China, Perancis, India, Indonesia, Iran, Iraq, Jepun, Korea Selatan, Kuwait, Macau, Malaysia, Arab Saudi, Russia, Amerika Syarikat dan United Kingdom menghadirinya.

Abdullah berkata, bekalan tenaga yang terjamin, berkekalan dan pada harga yang berpatutan bukan saja penting untuk merencanakan lagi sektor pekilangan, tetapi juga untuk meningkatkan taraf sosioekonomi penduduk Asia seramai 3.3 bilion kerana dianggarkan seorang bagi setiap lima penduduk Asia masih di bawah garis kemiskinan.

Katanya, langkah yang wajar untuk memastikan jaminan tenaga yang selamat untuk Asia adalah mengiktiraf bahawa minyak dan gas kekal sebagai sumber tenaga utama, sekurang-kurangnya untuk jangka pendek dan sederhana.

"Ketika kita memajukan sumber alternatif, hidrokarbon akan terus menjadi sumber utama tenaga," katanya.

Beliau berkata, industri minyak dan gas membabitkan pelaburan yang intensif untuk membangunkan infrastruktur dan cari gali bagi membawa komoditi itu kepada pasaran.

"Oleh kerana bahan ini semakin berkurangan di beberapa kawasan, maka lebih banyak sumber bekalan hidrokarbon perlu diteroka.

"Sumber bekalan ini juga semakin lama berada di kawasan yang lebih jauh dan laut yang lebih dalam selepas sumber yang berkurangan di kawasan sedia ada, dengan anggaran kos bagi pelaburan baru melebihi AS\$2 trilion (RM7.6 trilion).

"Oleh itu, penyelidikan dan pembangunan serta inovasi teknologi baru penting bagi meningkatkan keberkesanan nilai rantai supaya ia dapat dibawa ke pasaran secara kos efektif, berkesan dan mesra alam," katanya.

Sehubungan itu, katanya, kerjasama penting antara negara dan antara syarikat minyak multi nasional dengan syarikat minyak sesebuah negara.

Beliau juga berkata, cabaran yang dihadapi industri adalah jaminan bekalan ekoran konflik di Asia Barat seperti keadaan di Palestin dan Iraq kerana rantau itu mempunyai dua pertiga sumber bekalan minyak dan gas dengan membekalkan 30 peratus minyak dunia.

"Industri tenaga mempunyai peranan besar untuk pertumbuhan dunia yang stabil dan makmur.

"Kemajuan sebenar bagaimanapun memerlukan kerjasama baru dan lebih luas bukan saja di kalangan ahli industri itu tetapi juga daripada semua pihak yang mempunyai kepentingan dalam mewujudkan dunia yang stabil dan makmur," katanya.

Abdullah berkata, keperluan Asia terhadap sumber tenaga sejajar dengan pertumbuhan yang dialami, dengan keseluruhannya permintaan terhadap minyak pada 2003 mencapai 22 juta tong sehari.

"Berdasarkan jangkaan semasa, Asia akan kekal sebagai pasaran penggunaan minyak utama dengan kadar pertumbuhan purata tahunan 3.2 peratus, iaitu hampir tiga kali ganda lebih tinggi daripada daripada negara perindustrian," katanya.

Katanya, China dan India kini menuju ke arah menjadi kuasa ekonomi, manakala ekonomi Asia Timur yang terjejas ketika krisis kewangan 1997 telah pulih dan kini mencatat pertumbuhan pesat dengan Jepun menunjukkan tanda-tanda pemulihan.

"Secara ringkasnya, Asia sudah kembali pulih dan gambaran masa depan adalah meyakinkan kerana ekonomi Asia dijangka mengekalkan kadar pertumbuhan semasa kira-kira enam peratus setahun sehingga 2010.

"Angka ini hampir sekali ganda daripada kadar pertumbuhan purata dunia," katanya.

Ekoran permintaan begitu tinggi daripada China, katanya, penggunaan minyak di negara membangun Asia diramal mencecah 32 juta tong sehari menjelang 2025, lebih sekali ganda daripada keseluruhan penggunaan Asia pada 2001.

"Penggunaan minyak mentah di China saja pada 2003 bersamaan 70 peratus gabungan penggunaan minyak mentah oleh Perancis, Jerman, Itali, United Kingdom. China kini adalah pengguna minyak mentah kedua terbesar dunia selepas Amerika Syarikat," katanya.

Beliau berkata, gas juga menjadi semakin penting sebagai alternatif kepada minyak di Asia, dengan penggunaan gas dunia diramal meningkat secara mendadak hampir 70 peratus kepada 151 trilion kaki padu menjelang 2025.

"Asia yang membangun akan kekal sebagai rantau paling pesat menggunakan gas dengan permintaan tahunan diramal meningkat pada kadar purata 3.5 peratus setahun antara 2001 dan 2005.

"Pertumbuhan dalam ramalan permintaan tahunan ini adalah kira-kira dua kali lebih pantas daripada yang diramalkan bagi negara perindustrian," katanya.